

PENGUSAHA WANITA MELAYU SEMAKIN BERJAYA

SESUATU hobi yang dijalankan dengan serius dan bersungguh-sungguh boleh mendatangkan faedah dan hasil yang lumayan. Di samping itu seseorang itu juga perlu bekerja kuat, kemudian memberikan tumpuan sepenuhnya kepada setiap kerja yang dilakukan.

Dayang Fatimah binti Tanji merupakan salah seorang wanita yang tidak asing lagi bagi penduduk Daerah Belait terutama di kalangan kaum wanita kerana beliau seorang yang aktif bukan saja dalam berpersatuan tetapi juga merupakan guru kelas urusan rumahtangga dan salah seorang pengusaha wanita Melayu yang menjual hasil gubahan bunga di kedainya di Bangunan Bumiputera, Seria.

Menurutnya, sebelum menceburkan diri dalam perniagaan awal tahun 1991, beliau telah dipelawa mengajar secara sambilan kelas urusan rumahtangga di Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria bermula sejak tahun 1979 hinggalah ke hari ini dan dalam waktu yang sama beliau juga adalah guru sepenuh masa mengajar bahasa Melayu di Sekolah Saint Margaret's, Seria.

Atas galakan dari guru-guru di sana dan minatnya lebih mendalam terhadap hasil gubahan bunga, beliau mencuba nasib menceburkan diri dalam perniagaan dan meletakkan jawatannya akhir tahun 1990 setelah mengajar selama 20 tahun di sekolah tersebut walaupun terasa berat dan sayang hendak meninggalkan sekolah berkenaan. Kerana jasa dan baktinya, pihak sekolah telah memberikan hadiah penghargaan kepada beliau berupa barang kemas sebagai khidmat kerja lama 10 hingga 15 tahun.

Meskipun beliau menyedari persaingan agak hebat terutama dari peniaga bangsa asing dalam perniagaan yang sama yang akan beliau ceburi namun semua itu tidak melunturkan semangat dan pendirian-

RENCANA DAN GAMBAR-GAMBAR
OLEH DK. SAIDAH POA



BUNGA-BUNGA yang telah siap digubah dengan beraneka corak yang sangat menarik.

nya. Dengan wang yang dikumpulkan hasil daripada mengajar selama 20 tahun itu dan mengajar di kelas urusan rumahtangga telah dijadikan modal untuk membuka perniagaannya.

Dayang Fatimah seterusnya menceritakan

“KESABARAN dan ketabahan di dalam menjalankan sesuatu usaha adalah satu ujian, sama ada usaha itu akan berjaya ataupun mati setengah jalan sahaja. Apa yang penting kita mestilah berniaga secara jujur dan ikhlas, tidak ada pula rasa dengki di samping harus berhati-hati,” ujarnya penuh bermakna.



DAYANG Fatimah binti Tanji menunjukkan hasil gubahan bunga ber-tempat di kedainya di Bangunan Bumiputera, Seria.

sesungguhnya dunia perniagaan memang tidak dapat lari dari tusukan onak dan duri yang ada kalanya menyakitkan. Begitulah juga yang terjadi padanya di mana segelintir masyarakat menyindir, memandang rendah dan beranggapan perniagaannya itu tidak mendatangkan hasil yang menguntungkan.

Bagaimanapun, tohmahan yang diterima olehnya sedikit pun tidak menggentarkan dirinya malah semuanya dijadikan sebagai satu pendorong dalam dunia perniagaan, lagipun katanya terulang kepada individu itu di mana dia bebas membuat pilihan untuk membeli.

“Kesabaran dan ketabahan di dalam menjalankan sesuatu usaha adalah satu ujian, sama ada usaha itu akan berjaya ataupun mati setengah jalan sahaja. Apa yang penting, kita mestilah berniaga secara jujur dan ikhlas, tidak ada pula rasa dengki di samping harus berhati-hati,” ujarnya penuh bermakna.

Apakah yang menyebabkan beliau memilih lapangan ini dan berjaya pula

PENGUSAHA WANITA MELAYU SEMAKIN BERJAYA

Dari muka I

mengharunginya? "Bagi saya, bunga adalah sesuatu yang indah, lembut dan menawan, ianya dijadikan lambang kesucian serta kasih sayang sementara menggubah bunga adalah merupakan satu seni dari itu, ianya mestilah dipupuk melalui latihan dan rajin belajar," jelasnya.

Wanita yang tidak pernah kenal erti putus asa ini seterusnya berkata, "Pelanggan memerlukan perkhidmatan penjual bunga terutama jika kita mengamalkan sikap ramah tamah dan sentiasa sedia melayan kemahuan pelanggan."

Di samping minat, kemahiran dan keahlian, seseorang penggubah bunga juga harus menggunakan daya kreatifnya untuk menghasilkan sesuatu yang mendatangkan kepuasan kepada penempahnya, kata pengusaha yang mempunyai sikap terbuka dan berpandangan luas ini.

"Saya belajar membuat gubahan bunga ini ketika belajar di kelas lanjutan dewasa urusan rumah-tangga hinggalah menjadi guru sambil kelas tersebut. Waktu itu guru saya ialah Dayang Hajjah Dora binti Awang Damit dan Dayang Hajjah Sharifah Maimunah Syed Muhammad. Merekalah yang banyak memberi galakan dan dorongan supaya saya menjadi guru kelas urusan rumah-tangga," ungkap ibu kepada lapan orang anak ini.

Menurutnya antara jenis-jenis gubahan bunga dipelajari ketika itu diper-

buat daripada kertas, bekas-bekas potongan kain seperti satin, bunga 'crepe', riben dan baldi. Selain membuat bunga, mereka juga belajar memasak. Di samping itu tambahnya peralatan untuk menggubah bunga pada waktu dulu dan sekarang tidak jauh berbeza.

Selain belajar di kelas urusan rumah-tangga, beliau yang kini merupakan Pengerusi Persatuan PERTIWI mendapat idea untuk menggubah bunga, hasil dari perasaannya yang halus, sukan memerhatikan keadaan alam semula jadi di sekeliling yang indah dan menyegarkan serta melalui majalah televisyen dan berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan. Kerana minatnya yang mendalam, beliau dengan mudah dapat mengutip ilmu dan teknik menggubah bunga secepat mungkin.



DAYANG Fatimah merupakan pengusaha wanita Melayu yang kini telah mencapai kejayaan yang membanggakan.

Di samping itu, dulu di mana sahaja ada peluang terbuka seperti pameran bunga ataupun pameran gubahan, beliau tidak pernah melepaskan peluang daripada menyertainya maka tidak hairanlah beliau pernah dianugerahkan sebagai pemenang terbaik bahagian Pameran Kelas Urusan Rumahtangga Seluruh Negara anjuran Kelas Dewasa dalam tahun 70-an.

Beliau seterusnya berkata selain menjual gubahan bunga daripada riben ela, rekabentuk daripada bahan-bahan terbuang, peralatan membuat bunga seperti pasu, span dan sebagainya, kedainya juga menerima tempahan membuat bunga pada musim perayaan seperti majlis perkahwinan, Hari Raya Adilfitri dan sebagainya.

Sementara itu tambahnya, kedainya juga sentiasa menerima kunjungan



BUNGA yang telah siap sedia berharga antara \$30.00 hingga \$150.00.

orang ramai yang hendak belajar membuat gubahan bunga terutama kaum ibu yang menunggu anak mereka pulang dari sekolah tanpa dikenakan sebarang bayaran dan masa tertentu tetapi mereka hendaklah membuat perjanjian awal.

"Antara jenis gubahan bunga yang banyak menerima tempahan seperti bunga dikir, bunga penyambut, bunga telur, bunga kedudukan dian, bunga tangan dan gubahan bunga untuk perhiasan rumah. Semua bahan-bahan yang digunakan untuk membuat bunga-bunga tersebut diimport dari luar negeri seperti Jepun, Malaysia dan Republik Singapura," ujar wanita yang tidak lokek dengan pengalaman membuat gubahan bunga ini.

Menurutnya pada musim perayaan pula seperti Hari Raya Aidilfitri, Krismas, Tahun Baru Cina, gubahan bunga untuk perhiasan rumah cukup laris dan harga setiap jamba-

ngan bunga yang biasa dijual antara \$15.00 hingga \$200.00 mengikut jenis bahan yang digunakan, sementara bunga yang telah siap sedia pula berharga antara \$30.00 hingga \$150.00 dan dalam sehari beliau boleh menyiapkan gubahan bunga yang siap sedia dalam 20 jambangan.

Bagi mengurus kedainya itu beliau dibantu oleh seorang pembantu, beliau seterusnya berkata selain daripada menerima tempahan gubahan bunga, beliau juga menerima tempahan balasan untuk hantaran pertunangan seperti masak-masakan, gubahan tangan dan juga tempahan kek hari ulang tahun dan sebagainya.

Beliau seterusnya merasa bersyukur dengan adanya kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti bangunan kedai bumiputera ini da-

patlah beliau dan para pengusaha bumiputera berpeluang untuk memiliki ruang kedai yang sewanya tidak terlalu mahal iaitu \$350.00 sebulan jika dibandingkan menyewa di tempat lain.

Sebagai seorang pengusaha yang bergiat dalam persatuan namun beliau tidak lupa tanggungjawabnya sebagai suri rumah di mana segala urusan rumah sentiasa diambil berat dan beliau merasa beruntung dan bertuah kerana memiliki keluarga dan suami yang penyayang yang sentiasa memberikan kerjasama, galakan dan dorongan agar terus maju.

"Kaum wanita yang ingin menceburkan diri dalam perniagaan supaya tidak takut menghadapi sebarang saingan dan risiko di samping itu dalam menjalankan perniagaan tidak semestinya memulakan perniagaan secara besar-besaran, cukuplah perniagaan itu sederhana tetapi menyeronokkan," ujarnya penuh berfalsafah.



ANTARA jenis gubahan bunga yang banyak menerima tempahan ialah seperti bunga dikir, bunga penyambut, bunga telur, bunga kedudukan dian, bunga tangan dan gubahan bunga perhiasan rumah.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

NISAN RAJA GONG SHUN NEGERI PONI

OLEH
HU KUAN

PADA 20 haribulan, bulan kelapan musim gugur tahun 1408 raja PONI Manarajanana telah melawat ke negeri China dengan membawa seramai 150 orang lebih, di antaranya termasuk permaisuri, putera, adik, adik perempuan, sanak saudara dan menteri-menteri.

Mereka datang ke istana untuk menyembah surat tauliah dan menguftikan hasil-hasil istimewa tempatan. Duli Tuanku sendiri datang ke balairong Fong Tian Dian untuk menerima ufti.

Bila persemayaman selesai, Duli Tuanku datang lagi ke balairong Fong Tian Men untuk menerima raja.

Juru bahasa telah menerjemahkan ucapan raja PONI sebagai berikut: "Beta bersama dengan permaisuri datang dari negeri jauh lagi miskin. Beta selalu menerima asuhan Duli Tuanku. Beta berharap supaya dapat melihat kecemerlangan Duli Tuanku. Beta datang ke negeri China dengan rendah diri daripada ketakutan, diharapkan ini tidak akan menjejaskan keagungan Duli Tuanku."

Raja PONI meneruskan: "Beta beratapkan langit dan bersandarkan bumi. Tuankulah yang memberi beta keamanan dan kesejahteraan. Sekarang kehidupan orang-orang tua dan kanak-kanak di negeri beta telah dijamin, mereka mempunyai rumah yang aman, makanan yang lazat, pakaian yang sepadan dan alat perkakas yang lengkap. Yang kuat tidak berani membuli yang lemah, orang yang jumlahnya banyak tidak berani membuli orang yang jumlahnya sedikit. Kejayaan-kejayaan itu adalah dikurniakan oleh Duli Tuanku. Orang lain tidak akan mencapainya melainkan Duli Tuanku. Kebijaksanaan dan kebudiannya melimpah-limpah ke segala pelusuk bahkan sampai ke langit dan bumi, akan tetapi langit boleh beta nampak bila beta menengadahkan, bumi boleh beta nampak bila beta menjelajahi, sedangkan beta sudah nampak Duli Tuanku sebab negeri Duli Tuanku terlalu jauh dari negeri beta. Kesetiaan beta susah untuk disampaikan kepada Duli Tuanku, maka beta bersama dengan permaisuri tidak kira betapa jauhnya dan membahayanya dalam perjalanan, belayar menyeberangi laut ke negeri China untuk bersembah menyatakan keikhlasan beta."

Duli Tuanku bertitah: "Beta bukanlah apa yang dijanjikan tadi. Beta telah ditugaskan oleh Tuhan dan nenek moyang beta. Tuhan dan nenek moyang mengajar beta, bahawa patutlah memandang masa rakyat sebagai anak-anak beta. Di dunia ini semua manusia sama darjat."

Raja PONI bersembah lagi: "Sejak Duli Tuanku bertitah, negeri beta telah aman dan sejahtera. Benda-benda berharga yang tersimpan dalam pergunungan dan sungai

telah muncul, pokok-pokok telah berbunga dan berbuah, burung-burung ganjil bernyanyi merdu, binatang-binatang menari gembira. Orang-orang tua di negeri beta mengatakan bahawa ini disebabkan oleh kebudiannya orang bijak China. Maka beta sebagai rakyat Tuanku mesti datang mengadap, tidak kira betapa jauhnya negeri beta dari negeri China."

Duli Tuanku memuji keikhlasan raja PONI, maka upacara menyambut raja PONI itu amat meriah dan banyak hadiah telah dikurniakan.

Tiap-tiap hari diadakan jamuan, mula-mula di balairong Hua Gai Dian, kemudian di balairong Fong Tian Men dan Duli Tuanku pun telah mengarahkan isteri menteri menjamu permaisuri dan putera-puteri raja.

Setiap hari Tuanku mengutus seorang menteri untuk menemani raja dan mengutus pengiring yang dipercayai untuk menemani permaisuri dan putera dan puteri bercakap-cakap dengan mereka dalam suasana mesra. Belasannya cukup sempurna.

Bila diadakan persemayaman kedudukan raja PONI selalu diatur pada kedudukan pertama, mendahului kedudukan menteri-menteri China. Dari situ boleh kita ketahui bahawa betapa diutamakan pelayanan yang diberi oleh Duli Tuanku.

Selepas satu bulan tiba-tiba raja PONI jatuh sakit. Duli Tuanku telah mengirimi doktor yang terpilih untuk memberi perubatan yang sempurna dan baginda pun selalu mengirimi pengiring yang dipercayai untuk memberi hiburan dan mengutus menteri untuk menanyakan penyakit raja PONI.

Baginda merasa syukur bila sahaja mendengar berita bahawa penyakit raja PONI sudah ringan sedikit.

Akan tetapi penyakit raja itu telah teruk, suatu hari raja berpesan kepada permaisuri dan orang-orang bawahan: "Duli Tuanku amat memperhatikan penyakit beta. Jikalau suatu hari beta meninggal, itu adalah takdir Tuhan."

Beta datang dari negeri jauh lagi miskin, syukurlah dapat datang ke sini untuk melihat kecemerlangan dan kecerdasan Duli Tuanku. Beta tidak akan menyesal sekalipun beta meninggal. Selepas beta meninggal diharapkan beta dikebumikan di negeri China. Beta tidak mahu diasingkan

dari negeri China. Yang menyesalkan bahawa beta tidak dapat membalas budi Duli Tuanku semasa beta berhayat. Beta betul-betul terhutang budi kepada Duli Tuanku."

Raja berpesan lagi kepada puteranya: "Jikalau suatu hari beta meninggal anakanda patutlah pergi mengucapkan terima kasih kepada Duli Tuanku dan bersumpah tu-

RAJA PONI datang ke negeri China melalui perjalanan sejauh beberapa ribu batu dengan membawa permaisuri, putera puteri, adik, adik perempuan, sanak saudara dan menteri-menteri. Mereka belayar melalui lautan datang bersembah dengan tidak kira betapa susah dalam perjalanan

run-temurun tidak akan melupakan budi Duli Tuanku. Beta tidak akan menyesal jika anakanda dapat menurut pesan beta sekalipun beta meninggal."

Pada 1 haribulan bulan kesepuluh raja PONI telah meninggal, umurnya 28 tahun. Duli Tuanku amat sedih, tiga hari tidak bersemayam.

Baginda telah mengarahkan kepada badan bersangkutan untuk mengurus hal pengebumian dan memberi hiburan.

Duli Tuanku telah mengurniakan gelaran RAJA GONG SHUN kepada raja PONI. (GONG ertinya rendah hati, SHUN ertinya damai dan bersahabat) dan telah mengutus utusan khas untuk mempergunakan upacara pengebumian dan menghantar utusan untuk memberi hiburan kepada permaisuri dan putera-puteri raja.

Permaisuri telah bercakap kepada utusan: "Malang betul suamiku, baginda tidak dapat membalas budi Duli Tuanku dan tidak dapat berkhidmat kepada Duli Tuanku untuk seumur hidup. Akan tetapi baginda telah meninggalkan wasiat kepada kami, berpesan kepada kami supaya turun-temurun jangan lupa akan budi Duli Tuanku. Kami mesti menunaikan wasiat baginda. Dengan demikian baharulah kami boleh beranggapan bahawa baginda belum

meninggal sekalipun baginda memang telah meninggal!"

Daripada ucapan permaisuri itu bolehlah kita ketahui bahawa permaisuri adalah seorang masuk akal. 16 haribulan bulan ke sepuluh suatu upacara pengebumian telah dilangsungkan.

Menurut protokol makam itu terletak di Se Chi Gang luar pintu Tembok An De Men Bandaraya Nanjing. Duli Tuanku telah bertitah supaya ditegakkan sebuah batu nisan di depan makam.

Ayah raja bernama Manarasanawangsa. Emak raja ber-

teri Hu Guang supaya menulis surat nisan dan kemudian diukir di atas batu nisan itu.

Hamba, Hu Guang amat mengagumi kebijaksanaan Duli Tuanku. Kebijaksanaan dan budi Tuanku telah melimpah-limpah ke segala pelusuk di dunia ini asalkan tempat itu dapat disinari matahari atau bulan.

Semua orang dengan suka hati dan tulus ikhlas berendah-hulu-dahulu untuk menyanjikan kesetiaan kepada Duli Tuanku. Banyak negeri datang ke negeri China dengan membawa benda-benda yang berharga sebagai ufti.

Raja PONI datang ke negeri China melalui perjalanan sejauh beberapa ribu batu dengan membawa permaisuri, putera puteri, adik, adik perempuan, sanak saudara dan menteri-menteri. Mereka belayar melalui lautan datang bersembah dengan tidak kira betapa susah dalam perjalanan.

Ini cukup membuktikan kesetiaan dan kejujuran raja. Sikap raja PONI begitu teguh seperti kekukuhan emas dan batu, bahkan meninggalkan lagi wasiat kepada negerinya supaya jangan melupakan budi Maharaja China.

Kebijaksanaan Maharaja China telah begitu meresap ke dalam sanubari manusia, ini betul-betul mengagumkan! Sedangkan kecerdasan, kejujuran dan kesetiaan raja PONI selamanya tidak berubah, maka Maharaja China adalah diperhatikan yang khas kepada raja PONI dan juga generasi seterusnya.

Kenyataan-kenyataan itu akan diukir di atas batu nisan dalam bentuk sajak, dengan demikian akan diketahui turun-temurun, mereka akan mengetahui bahawa hubungan mesra antara raja PONI dengan Maharaja China adalah disebabkan oleh keikhlasan raja PONI. Isi sajak itu sebagai berikut:

Dinasti Ming memerintah dunia
banyak negeri menyatakan setia
mereka datang bersembah mengiktiraf kekuasaan Ming China
Negeri PONI satu negara jauh terletak di kawasan panas
angin mearang awan berkelompok
Raja PONI datang bersembah
ramai orang telah dibawa permaisuri bersama dengan keluarga menteri-menteri termasuk juga mereka bersembah ke istana diraja
ucapan sembah telah dinyata Tuanku ibarat orang tua

memberi beta jiwa gembira beta menjunjung langit beta memijak tanah naungan Tuanku merangkumi semua
beta menyembah ke istana diraja
untuk menyatakan taat setia Duli Tuanku terharu berkata Tuhanlah yang mewajibkan beta
untuk memerintah dunia menjadi aman dan sentosa memang terbatas kemampuan beta
Raja PONI berlutut bersembah ampun beribu-ribu ampun tuanku kemurahan hati kami terima budi Tuanku membawa berkat
musim bunga telah tiba lautan tenang tidak bergelora muncul juga benda-benda berharga
rumput mengijau bunga mekar
pokok rimbun buah melimpah
burung berkicau menyanyi bersuara
binatang berkumpul menari gembira
orang tua negeri berkata ini berkat budi Maharaja China
maka sekalipun jauh dari China
beta mesti datang mengadap Duli Tuanku mendengar gembira
menteri diutus menemani raja pelayanan diberi amat sempurna
makanan lazat dihidangkan ke meja
tambah lagi banyak cenderamata
malang betul sebulan sahaja raja jatuh sakit mendadak belum lama telah tiada kesedihan hati merangkumi dunia
wasiat raja kami dengar sekalipun beta meninggal sekali-kali jangan lupa budi Maharaja
betapa bijak seorang raja mempunyai pandangan luar biasa
tiada tara perbandingannya antara negeri-negeri barat-daya
bijak raja dikenang Maharaja
gelaran pujian telah dikurniakan
turun-temurun tiada putus-nya
cukup megah makam raja rumah ibadat dibangunkan pula
jasa raja diingati selamanya
kekal abadilah semangat baginda
nama raja PONI harum bersemarak
sekalipun tidak balik ke tanah pah darah
anugerah diberi Maharaja China
cucu cicit menikmati mulia.

"APA, kahwin?" Tiba-tiba suara Suraini memecah kesunyian malam itu. Suraini ketawa geli hati, masa umur baru lapan belas tahun sudah mahu dijodohkan. Dia tidak ingin seperti kedua kakaknya, habis sekolah saja sudah dipinang orang. Tidak! Suraini tidak mahu perkara seperti itu terjadi pada dirinya.

"Benar nak, dah ada orang pinang kau," kata ibunya perlahan.

"Pinang Ani?" Wajah Suraini berkerut, dia bukan tidak percaya dengan kata-kata ibunya itu, tapi dia pura-pura tidak mengerti maksud ibunya. Rasanya dia benar-benar belum bersedia.

"Ani kan masih belajar mak, bulan ni kalau ani dapat kursus di Maktab Perguruan Ugama, Ani nak masuk dulu, lepas tu siapa-siapa nak pinang Ani, Ani tentu dah bersedia mak." Suriani meluahkan keinginannya terlebih dulu, dia tidak ingin tidak punya cita-cita seperti Suria dan Suhana, kedua kakaknya itu mengikut sahaja rancangan keluarganya dulu.

"Tapi Ani, ayah kau dah setuju nak menjodohkan kau dengan Johan." "Johan!" Sekali lagi Suriani terkejut. Nama lelaki itu tidak pernah didengarnya. Suriani mengeluh, hatinya benar-benar gelisah keinginan orang tuanya untuk menjodohkan dia dengan Johan begitu ketara sekali.

"Malangnya nasib kau, baru nak jadi cikgu dah ada orang nak patahkan cita-cita kau." Perli Sazali, teman rapat di tingkatan enam bawah. Suriani mengeluh, tak guna kawan, desaknya dalam hati. Hanya pada Sazali dia berani bercerita hal itu, dia takut teman-teman yang lain mentertawakannya kalau dia bercerita tentang masalahnya itu, tetapi nampaknya Sazali juga yang mentertawakannya.

Suriani semakin rasa bimbang dengan permintaan orang tuanya, asal pulang dari asrama saja, tentu orang tuanya bertanyakan hal itu kepadanya. Apa lagi yang mampu dia jawab selain, tidak setuju.

Orang tuanya nampak tidak berpuas hati. Mereka tetap ingin menjodohkan Suriani dengan Johan, sebolehnya hujung tahun ini.

Kebimbangan Suriani semakin ketara bila kedua orang tua Johan yang tidak pernah dikenalnya sebelum ini telah datang bertandang ke rumah mereka, bukan main mesra dan baiknya mereka berbual-bual.

Suriani sendiri tidak berani keluar sejak mereka itu datang. Nasib baik juga anak lelaki mereka tidak ikut sama, kalau tidak dia sendiri terpaksa keluar dan berkenalan dengannya.

"Ani...kami dah setuju menjodohkan kamu berdua. Lepas bertunang kamu akan kami kahwinkan," ujar ayahnya, selepas makan malam bersama keluarganya, nasib baik lepas makan kalau tidak Suriani rasa tentu



MEMBURU SEBUAH HARAPAN

OLEH
YANA HM

dia tidak berselera untuk makan. Wajah Suriani nampak kecewa, dia tentu akan dipaksa berhenti sekolah nanti.

"Tapi ayah, Ani kan masih belajar. Lagipun tahun ini Ani nak mengikuti latihan perguruan agama.

"Tapi belum tahu Ani berjaya lagi, pengambilannya kan masih lama," kata ayahnya.

"Lama apa, cuma dua bulan lagi," balas Suriani sambil memandang wajah kakaknya, Suria. Dia tidak suka kakaknya ikut campur urusannya.

"Alah kahwin sajalah Ani, lepas kahwin kau juga yang senang," celah Shari kemudian, Shari adalah abang sulungnya.

"Abang sajalah yang kahwin kenapa Ani pula, Ani masih ada cita-cita dan keinginan, kahwin muda tidak semestinya kita boleh hidup senang. Ani tidak suka cara abang itu. Abang bukan nak galakkan Ani berjaya dalam cita-cita Ani tapi mendukung rancangan ayah dan mak." Ujar Suriani dengan berani.

Kedua orang tua Suriani terdiam. Mereka tidak sangka Suriani akan berani berkata demikian di depan mereka. Suriani nampak saja lemah lembut tetapi degil dan keras kepala.

"Ani tak baik cakap begitu depan mak dan ayah!" Tegur Suria, marah.

"Ani kau dah nampak kurang ajar?" Ujar Shari pula.

Suriani diam. Memang dia malas nak bertengkar dengan abang dan kakaknya di depan orang tua mereka.

"Apa keputusan kau Ani?" Itu jugalah yang selalu ibunya tanyakan bila dia balik dari asrama. Kalau nak ikut hati memang dia tidak ingin balik ke rumahnya lagi.

"Entahlah mak," balas Suriani dengan suara agak malas.

"Mak, apa kata kalau Ani berbincang dulu dengan Johan mengenai perkara ni. Kalau Ani rasa dia memang lelaki baik dan boleh menjamin masa depan Ani, Ani akan fikirkan." Suriani berkata perlahan dan meyakinkan kepada ibunya tentang perkara itu. Nampaknya ibu Suriani tidak keberatan untuk Suriani menemui sendiri, bakal tunangnya.



Setelah mendapat alamat kerja lelaki yang dimaksudkan ibunya. Suriani rasa tiba-tiba berdebar bila sampai pada tempat yang dituju. Perasaannya rasa gemuruh dan tidak menentu.

Apakah Johan akan mengenalnya?..

"Boleh saya jumpa Encik Johan?" Tanya Suriani sedikit gementar pada seorang gadis di pejabat itu.

"Awak ni siapa?" Tanya gadis itu agak hairan.

"Saya adik dia." Suriani

menjawab dengan selamba. Pada mulanya agak susah juga Suriani dibuatnya tetapi akhirnya dia dapat juga masuk ke bilik Encik Johan. Ketika dia mengetuk pintu dua tiga kali, baru kedengaran suara memintanya masuk.

"Maaf! Saya telah mengganggu encik." Suara Suriani agak gementar.

Hatinya berdebar memandang lelaki kakak di depannya. Sama sekali dia tidak menyangka lelaki itu seorang yang tampan dan punya kedudukan di tempatnya bekerja.

"Tidak, hmmm, silakan duduk. Awak ni siapa?" Tanya lelaki itu.

Suriani serba salah. Dia terpaksa duduk berhadapan lelaki tersebut.

"Saya ada masalah, boleh Encik Johan selesaikan."

"Awak dah salah tempat. Di sini bukan tempat persatuan kaunseling, terutama pada gadis-gadis yang memerlukan. Encik Johan tersenyum lucu dengan sikap gadis yang tidak pernah dikenalnya itu.

"Tak apalah, saya ni wakil kawan baik saya. Saya nak tolong dia menyelesaikan masalahnya," Suriani terpaksa berbohong, malu untuk dia mengakui siapa dirinya.

"Apa sebenarnya maksud kedatangan awak ni. Kenapa pada saya masalah itu dibincangkan."

"Encik Johan kenal, pakcik Haji Zainal dan Hajjah Halinah tak?" Suriani berkata perlahan.

"Rasa macam pernah dengar nama mereka tu, kenapa?"

"Suriani adalah kawan baik saya, dia meminta saya supaya keluarga Encik Johan membatalkan saja rancangan nak melamar Suriani itu, sebab Suriani masih nak belajar lagipun tahun ini dia benar-benar nak masuk Maktab Perguruan Ugama itu pun kalau diizinkan Tuhan," ujar Suriani hati-hati.

"Suriani? Suriani yang belajar di maktab tu ke?" Tanya Encik Johan sambil mengingat-ingat.

"Saya dengar dia dah tak sekolah, macam mana dia boleh nak masuk maktab pula." Encik Johan bertanya, dia berminat dengan cerita gadis di depannya.

"ABANG sajalah yang kahwin kenapa Ani pula, Ani masih ada cita-cita dan keinginan, kahwin muda tidak semestinya kita boleh hidup senang. Ani tidak suka cara abang itu. Abang bukan nak galakkan Ani berjaya dalam cita-cita Ani tapi mendukung rancangan ayah dan mak."

DARI MUKA 4

"Sebenarnya dia masih lagi belajar. Tapi sekarang ni orang tuanya nak jodohkan dia dengan Encik Johan."

"Hhmm... memang benar orang tua saya pun nak jodohkan saya dengan gadis itu. Memang saya tidak mengenali gadis tu tapi ini adalah kehendak orang tua kami. Saya sendiri tidak berani menolak kehendak mereka." Balas Encik Johan perlahan.

"Tolonglah Encik Johan, Suriani belum bersedia untuk berumahtangga. Dia selalu mengadu pada saya, katanya dia tidak berminat berkahwin dalam usia yang muda. Dia tidak ingin melepaskan peluang untuk belajar di maktab tu... itu pun kalau dia berjaya kalau tidak pun dia nak habiskan belajar dulu. Saya sendiri kagum dengan sikap tegasnya yang menentang keras kehendak orang tuanya itu tapi mereka selalu memaksanya. Suriani serba salah, katanya ditelan mati mak, diluahkan mati bapak. Hanya Encik Johan saja yang dapat menolongnya."

Kata-kata gadis di depannya itu, sedikit sebanyak menyedarkan Encik Johan mengenai masalah yang dihadapi oleh Suriani. Walaupun dia tidak

mengenal diri Suriani tetapi dia dapat rasakan semangat dan cita-cita Suriani yang mulia itu.

"Baiklah saya akan berbincang sendiri dengan orang tua saya nanti. Sampaikan salam saya pada Suraini. Semoga apa yang diharapkannya tercapai. Saya bangga dengan pendiriannya yang tidak mahu mengalah dengan kehendak orang tuanya. Tetapi saya hairan kenapa dia sendiri tidak datang pada saya dan berbincang masalah ini. Ah! Tak apalah mungkin suatu saat saya sendiri akan bertemu keluarganya." Kata-kata lelaki itu seketika mengejutkannya.

Ah! Dia rasa bersalah. Dia telah membahongi lelaki di depannya. Namun hatinya lega. Biarpun apa terjadi esok dia akan menghadapinya walaupun terpaksa berhadapan semula dengan lelaki itu.

Kini permohonannya bagi memasuki Maktab Perguruan Ugama telah dikeluarkan. Suriani adalah antara yang berjaya. Ketika menerima berita tersebut, wajah Suriani nampak berseri-seri, dia akhirnya berjaya untuk mengikuti kursus tersebut. Rancangan orang tuanya untuk menjodohkan dia dengan Johan sudah tentu akan dibatalkan.

Beberapa hari lalu Suriani begitu gembira. Impiannya hen-

dak memburu cita-cita hampir berjaya. Biarlah dia kehilangan peluang untuk berkahwin dengan Johan tetapi semangatnya begitu tinggi pada cita-citanya.

Sejak dia diterima memasuki ke maktab itu orang tuanya sendiri tidak senang duduk dibuatnya. Suriani tahu dia telah menghampakan hati orang tuanya.

"Kami dah buat keputusan Ani, sebelum engkau ke maktab kau dengan Johan akan bertunang. Keluarga Johan dah setuju untuk datang ke mari minggu depan. Johan sendiri sanggup tunggu kau dalam masa tiga atau empat tahun lagi." Beritahu ayahnya pagi itu.

Suriani terkejut. Dia tidak percaya dengan keputusan orang tuanya itu. Ah! Nampaknya orang tua mereka sungguh-sungguh. Suriani diam, menolak. Apa lagi alasannya sekarang, akhirnya Suriani mengalah.

Majlis pertunangan Suriani diadakan secara kecil-kecilan. Gadis itu sudah pasrah dengan keputusan keluarganya. Walaupun dia tidak menghendaki perkara itu terjadi, tetapi demi menjaga hati orang tua dia harus bersikap manis dan berharap jodoh yang ditentukan ini adalah yang terbaik buatnya.

Dua hari selepas mengikat

tali pertunangan itu, Johan datang menemuinya. Suriani agak ragu-ragu, rasanya dia malu untuk berhadapan dengan tunangnya itu.

"Nak Johan, inilah Suriani tunang nak Johan tu." Begitu lembutnya suara ibunya ketika bercakap dengan Johan.

Seketika Johan nampak terkejut, dia seperti tidak percaya bertemu lagi dengan gadis itu.

"Apa khabar!" Sapa Johan perlahan.

"Baik.." Suriani tunduk malu. Dia benar-benar rasa malu dan bersalah kerana telah membahongi lelaki yang kini telah menjadi tunangnya.

"Bukankah awak yang ke pejabat saya dulu kan?" Tanyanya.

Suriani mengangguk tanpa memandang lelaki itu.

"Saya faham sekarang, dan saya minta maaf kerana tidak membatalkan rancangan pertunangan kita ini. Saya harap awak tidak kecewa," perlahan sahaja suaranya.

Suriani tidak tahu bagaimana dia melayan dengan baik tunangnya itu. Dia amat serba salah, dia tidak berani menghadapi wajah Johan sekarang. Perasaan malunya semakin tebal saat itu.

Namun itu hanya untuk beberapa minggu. Selepas pertemuan itu Johan sendiri tanpa ragu kembali lagi menemuinya. Suriani terpaksa menyambut baik kedatangan Johan yang semakin ramah dan mesra dengan dia dan keluarganya.

Sekarang Johan banyak mendorongnya bagi kejayaannya. Sebelum berangkat meninggalkan keluarga dan Johan yang mula bertapak di hatinya, dia berjanji akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan serta impiannya. Semoga pelajaran yang akan diterimanya di maktab itu nanti akan berguna buat dirinya juga anak bangsanya.

Ketika memasuki dewan pendaftaran maktab, wajahnya memang berseri-seri dan wajah ayahnya nampak tersenyum indah. Dia akan memburu segala harapannya dari sana. Dan berharap dia akan berjaya dengan cemerlang pada masa datang.

Kekeringan dan senyuman penuh makna bermain di matanya. Wajah emak, ayah ... abang, kakak dan Johan sedang menanti-nanti kejayaannya nanti. Dia berjanji tidak akan menghampakan mereka semua.

PUISI

BIARLAH AKU SENDIRI

Kesepian menepa di hati terkurus dalam diri menyendiri bermulalah segala keraguan berminat di bibir dan fikiran. Tidak ada sesiapa mengerti walau untuk seribu tahun sebab hati tidak mahu berkata pada yang empunya diri. Di sini biarlah aku sendiri memikir merenung melamun menimbang sewajarnya kerana pintu hati telah terbuka menerima lamaran masuk segala kebahagiaan yang dinanti-nanti.

MEMANDANG KEHIDUPANKU

Dua puluh enam tahun sudah aku hidup di alam maya segala keperitan kesengsaraan kesedihan kedukaan kegembiraan pahit manis kehidupan kurasai. Namun aku tidak kuat untuk berdiri berhadapan bersemuka bertentangan

segala cubaan dari-Mu.

Di sini aku terkonteng-konteng mengenang pasrah memikir nasib diri tiada kesudahan dilanda derita sandiwara permainan insan.

Alwi S.M.

MEDITASI

Kau duduk 'teranah' satu objek satu mata sepuluh makna sepuluh bahasa sepuluh bangsa sepuluh agama keliru melulu masih tak lugu introvert lagi tampak belum jelas masih samar tapi kau teruskan lagi.

SEBUAH PENDERITAAN

Bahang panas semakin mencengkam bisa teruraih sendi ini lalu mereka ketawa di sebalik kebencian untuk mengurangkan kepanasan.

Pun begitu... kuteliti kembali seluruh hidup ini ternyata masa belum beredar. Lalu kucuba lari tapi kaki terbelunggu dan keluarlah darah kembali yang bisanya terlalu perit.

Sariani HI

PUTERA PUTERIKU

Putera puteriku, "tuntutlah ilmu sebanyak mungkin

walau terpaksa ke negeri China," itulah sabda Rasulullah.

Putera puteriku, carilah khazanah ilmu isikan segegap ruang minda kalian walau terpaksa menempuh segala kepayahan ingallah, manusia tanpa diselaputi ilmu bagaikan serpihan sampah di pinggir jalan busuk dan menjijikkan.

Putera puteriku, carilah alam ilmu itu walau terpaksa mendaki gunung atau terpaksa menyelami dasar samudera kerana ilmu itu, bagaikan sebuah lantera yang menerangi, jalan dan lorong gelap.

Putera puteriku, ilmu itu maha luas alannya tampilkanlah, air laut itu, kalian jadikan tintanya dan dedaun seluruh jagat raya ini kalian jadikan kertasnya pasti takkan habis isi ilmu itu.

Putera puteriku, bila ilmu telah cukup ampuh jangan sombong atau egois ikutilah seperti madah pujangga rendahkanlah dirimu bagai mutiara di dasar laut.

Putera puteriku, realisasikanlah alam ilmu itu pada minda yang terbuka carilah diri dalam diri kalian dan ingatlah, di mana bumi dipijak maka di situ langit dijunjung.

HARI-HARI TERAKHIR SEORANG PEJUANG

Seperti selalunya, ia terus saja menyusuri lorong itu, bersama tubuh yang tak terurus

dengan sebuah tekad, sebuah harapan semoga hari ini, ia bisa makan dan bernafas untuk hari esok.

Ia terus saja berjalan, menyusuri lorong dalam kesibukan manusia, yang seakan sudah jadi miliknya, setiap tubuh-tubuh yang lalu ia menyapa, sambil tangan kanannya menadah ia meminta, dan mengharap sesuatu.

Meski tiada siapa yang peduli, lantaran kesibukan dan kehangatan manusia ia tetap sempat menguntum sebuah senyum tanda pasrah, dan redakan ada ketentuan, kerana ia pasti, itulah naluri manusia sering diburu oleh kesibukan.

Bersama sebatang tongkat, yang menemani kaki kanannya ia terus berjalan menerjah arus kesibukan kota dan manusia, dan, pada sebuah kaki lima lalu ia duduk melepaskan kepenatan sambil ia melihat gelagat dan olah manusia mundar-mandir mengejar kelajuan masa yang tak pernah berhenti walau sedetik.

Seketika, ia terkenang kisah silamnya, tentang perang dan kemusnahan tiap detik pasti ada tangisan dan kematian, namun, sebagai wira yang setia ia pasrah merelakan demi mengharap sebuah kemenangan.

Tapi sekarang, hidupnya bagai sebuah pentomen jadi tuntutan manusia dan masa ia bukan lagi satria di medan perang atau pahlawan, yang menghambat musuh durjana ia cuma, seorang pejuang malang yang mengharap ihsan dan belas untuk meneruskan sisa-sisa hidupnya pada setiap pinggir lorong.

Salleh Zainal

Belia dan Sukan

بليادان سوكن

KELAB INDERA PUTERA ANJUR BOLA SEPAK SEMBILAN ORANG SEPASUKAN

Oleh
Haji Ahat HI

KELAB Bolasepak Inderaputera akan menganjurkan Kejuhan Bolasepak Sembilan Orang Sepasukan yang terbuka kepada kelab dan pertubuhan Bolasepak di Daerah Brunei dan Muara, Tutong, syarikat swasta, serta kelab-kelab jemputan termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei.

Kejohanan sempena meraikan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-12 itu antara lain bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan pemain-pemain bolasepak di samping mengukuhkan hubungan persaudaraan silaturrahim.

Selain daripada itu melalui kejuhan seumpama ini akan dapat meningkatkan prestasi permainan bolasepak negara dan seterusnya menyahut seruan Majalah Sukan Untuk Negara.

Setiap penyertaan menyertai kejuhan ini akan dikenakan bayaran sebanyak \$100.00 bagi sebuah pasukan manakala antara syarat penyertaannya pula ialah pendaftaran pemain tidak kurang dari 7 orang dan tidak lebih dari 11 orang. Jika kurang daripada 7 orang semasa perlawanan dijalankan, maka dengan sendirinya pasukan itu dikira kalah.

Setiap pemain yang telah didaftarkan tidak boleh dipindahkan ke pasukan lain dan pengurus pasukan dimestikan membawa senarai nama-nama pemain beserta dengan kad pengenalan masing-masing.

Jika terdapat sesuatu masalah berbangkit, pengurus pasukan yang terlibat perlu menyediakan keterangan tertentu dan jika didapati mereka gagal berbuat demikian atau tidak memberikan kerjasama, maka dengan sendirinya pasukan tersebut terkeluar daripada meneruskan perlawanan.

Sistem perlawanan adalah kalah mati dan jika terdapat persamaan jaringan maka sepaak penalti 3 kali akan diberikan. Jika masih terdapat persamaan juga manakala tendangan akan diteruskan dengan 'sudden death'.

Corak peraturan permainan adalah mengikut peraturan sebelas orang pemain, kecuali 'off side' ditiadakan, sementara bagi pertukaran pemain pula hanya dilakukan selepas permainan separuh masa pertama selesai.


Borang-borang penyertaan serta keterangan lanjut bagi menyertai kejuhan ini boleh didapati daripada: Staf Sarjan Tengku Zainal bin Tengku Haji Hassan, Woksyo Bolkliah Garison, telefon mobile 08-832090. Staf Sarjan Awang Ahmad Layan bin Haji Hassan, Pasukan Pancaragam Bolkliah Garison, telefon 02-330531

sambungan 162/163. Staf Sarjan Awang Haji Matsah bin Bahar, Woksyo Bolkliah Garison, telefon 02-330531 sambungan 170. PW2 Awang Abas bin Tanjong, Penanjong Garison Tutong, telefon 04-233050 sambungan 127/129 dan Awang Mohd. Noor bin Haji Abd. Hamid, Padang Menglait Bandar Seri Begawan.

Kesemua borang penyertaan itu hendaklah dihantar sebelum 19 April depan, manakala cabutan undi bagi kejuhan ini akan diadakan pada 19 April jam 2 petang bertempat di Padang Menglait.



HEBAT.... Kedah jersi gelap bertindak cemerlang dengan membolos pintu gol tuan rumah 4 - 2 dalam perlawanan kedua Liga Perdana Malaysia di Stadium Negara Hassanal Bolkliah Berakas. — Gambar oleh Ramli Tengah.



MOHD. Junaidi Ahmad (jersi 11) melakukan rejaman semasa menjalani latihan di Kompleks Sukan Menglait bagi menghadapi Kejuhan Sepak Takraw Piala Raja Thai dari 1 hingga 5 April di Haadyai Thailand. — Gambar oleh Amat Haji Moksin.

PESTABARU HANTAR PEMAIN-PEMAIN MUDA

Oleh
Haji Ahat HI

PERSATUAN Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) mengetengahkan barisan muda untuk membawa cabaran negara mengaharungi Kejuhan Sepak Takraw Piala Raja Thai yang bermula dari 1 hingga 5 April di Haadyai Thailand.

Di kejuhan itu, barisan yang terdiri dari Awang Haji Omar Haji Ahmad, Awang Mohd. Junaidi Ahmad, Awang Tahir Haji Abdullah dan Awang Haji Asnan Haji Duraman akan turun ke gelanggang dalam perlawanan antara regu yang dijangka akan disertai oleh negara-negara ASEAN dan Indo China.

Dalam tinjauan bersama jurulatih sepak takraw kebangsaan, Awang Ismail Atan menyatakan barisan muda itu

boleh memberikan tentangan memandangkan mereka mempunyai kelebihan yang meyakinkan selain mempunyai pengalaman hasil daripada penyertaan di beberapa kejuhan kebangsaan dan serantau.

"Pada jangkauan saya, skuad muda ini akan dapat memberikan tentangan apabila turun berlawanan nanti, walaupun negara yang bakal dihadapi jauh lebih baik daripada kita," katanya.

Jurulatih itu menambah, "Mohd. Junaidi Ahmad dan Tahir Haji Abdullah sudah didedahkan bermain di Sukan

SEA Ke-18 Chiangmai tahun lalu dan pengalaman mereka bermain di temasya itu sudah tentu nanti akan dapat membantu mereka bagaimana menghadapi lawan-lawan mereka."

"Pemain tekong, Awang Haji Omar Haji Ahmad juga mempunyai pengalaman luar bermain di peringkat antarabangsa berbanding dengan dua rakannya tadi, di mana nanti dengan penyertaannya ini akan dapat memainkan peranan penting dalam membantu rakan di depannya," tambahnya.

Mengulas mengenai latihan pula jurulatih itu menyatakan pemain tersebut hanya menjalani latihan selepas Hari Raya yang lalu dan pencapaian prestasi mereka ketika ini semakin meningkat.

Liga Perdana Malaysia : NEGARA MENGALAMI TIGA KEKALAHAN

SESUDAH kecundang kepada Selangor 1 - 5, tewas lagi kepada Kedah 2 - 4 dan kemudian kalah tipis 0 - 1 kepada Sabah Sabtu lepas, telah menimbulkan keraguan terhadap keupayaan sebenar skuad negara dalam menghadapi Liga Perdana Malaysia musim ini.

Ketiga-tiga kekalahan di pusingan awal itu menimbulkan keresahan sekalipun lawan seperti Selangor dan Kedah itu memang sukar untuk dimenangi namun sekurang-kurangnya mereka dapat disekat daripada memperoleh banyak jaringan.

Kemudian kekalahan tipis kepada Sabah melalui sepaak penalti menghampakan lagi harapan tinggi para penyokong yang sudah memperlihatkan semangat disiplin

yang menarik sebagaimana kelihatan semasa pertemuan dengan Kedah minggu lepas.

Berdasarkan kepada tiga perlawanan itu, kelemahan yang ketara ialah penjaga gol yang sering keluar meninggalkan pintu gol dan kesempatan itu dipergunakan dengan berkesan oleh penyerang lawan. Terdapat keadaan yang tidak sepatutnya penjaga gol meninggalkan pintu, sebagaimana dalam pertemuan dengan Kedah sedangkan beberapa pemain pertahanan masih boleh berbuat sesuatu.

Barisan pertahanan pula kadang kala kurang sefahaman terutama ketika menerima tekanan dari penyerang lawan. Kawalan bola menjadi kucar-kacir sehingga boleh terlepas kepada pihak lawan.

Keretakan pertahanan itu cepat mereka kesan dan kelemahan tersebut mereka gunakan sebagai ruang membolosi pertahanan bagi melakukan percubaan sebagaimana yang telah dimanfaatkan oleh penyerang-penyerang Selangor.

Pemain tengah dan hadapan juga terdapat kurang cermat dalam mengatur serangan apabila bola didapati sering terbabas daripada kawalan para penyerang. Dalam waktu yang sama pula pertahanan lawan dapat mengagak kelemahan tersebut dan seterusnya melakukan serangan mengejut.

Sesudah memasuki 10 jaringan berbalas 3 setakat ini, jurang jaringan itu kelihatan semakin menurun iaitu dari 5 kepada 4 dan selanjutnya menjadi 1, telah nampaknya beberapa kelemahan sudah dapat diatasi oleh jurulatih, Awang David Booth.

Begitupun dalam pertemuan dengan Perak minggu depan perlu berhati-hati agar tidak terperangkap dengan kekalahan lagi memandangkan rekod pertemuan kedua pasukan tahun lalu adalah seimbang.

Menurutnya, setiap pemain dapat mengawal, menerima dan menghantar bola antara satu dengan lain di samping berkemampuan bertahan semasa menghadapi tekanan lawan.

Rejaman pemain killer, Awang Haji Mohd. Junaidi, katanya sangat berkesan manakala hantaran-hantaran dari tekong dan apit kiri juga meningkat dan tepat pada sasarannya.

"Walaupun latihan ini agak singkat, mereka dapat mengikuti setiap arahan dan melakukannya dengan berkesan. Saya harap semasa perlawanan nanti corak permainan mereka akan lebih menyerlah meskipun kita tidak meletakkan sebarang harapan," terangnya.

IKLAN-IKLAN إعلان-إعلان

JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Projek : JTB/DS/0001/96

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Telekom Antarabangsa bagi PROVISIONING OF TELECOMMUNICATION SERVICES TO CORPORATE CUSTOMERS IN BSB AND GADONG AREAS.
2. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan:

JTB/DS/0001/96

PROVISIONING OF TELECOMMUNICATION SERVICES TO CORPORATE CUSTOMERS IN BSB AND GADONG AREAS.

Tanpa menunjukkan nama Pemborong kepada:
Lembaga Tawaran Negara,
Kementerian Perhubungan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan 1150,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Selasa 23 April, 1996**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Pejabat Pengarah Telekom di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, dengan pembayaran sebanyak \$5,000.00 (dikembalikan) dan \$300.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat Jaminan Bank.
4. Lukisan-lukisan, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Pembahagian, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, dengan menunjukkan resit-resit Pembayaran Cagaran Tawaran.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau tertentu.
6. Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil Pengarah pada hari **Selasa 16 April, 1996** jam 9.00 pagi di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Pembahagian, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan Lapangan Terbang Lama, Berakas Negara Brunei Darussalam.
7. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.

Bilangan Tawaran : JTB/NS/NNI/ES/01/1996

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE TOP OVERHAUL OF 625KVA DIESEL ENGINE GENERATOR NO 2". Di Stesen Satelit Bumi Telisai.
2. Tiga set dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan:
TAWARAN BAGI "THE TOP OVERHAUL OF 625KVA DIESEL ENGINE GENERATOR NO 2"
Di Stesen Satelit Bumi Telisai
Bilangan Tawaran : JTB/NS/NNI/ES/01/1996

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : CAD/208C

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi "TO SUPPLY AND DELIVER AIRPORT BAGGAGE TROLLEYS".
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ditulis dengan:

TAWARAN BAGI
TO SUPPLY AND DELIVER AIRPORT
BAGGAGE TROLLEYS
Bilangan Tawaran : CAD/208C

Tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan ditujukan

Kepada:
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan,
Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perhubungan,
Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan 2051,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 16 April, 1996**

3. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan-keterangan lanjut boleh didapati dari Pejabat Pengurus Lapangan Terbang, Bahagian Pengurusan Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam di Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, dengan menunjukkan resit cagaran \$100.00 (dikembalikan).
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
5. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

Bilangan Tawaran : JPA/AT/96/06

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi "UPGRADING OF AIRCRAFT GUIDANCE AND STOPPING SYSTEM".
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan:

TARIKH TUTUP : 30 April, 1996
TAWARAN BAGI
UPGRADING OF AIRCRAFT GUIDANCE AND
STOPPING SYSTEM
Bilangan Tawaran : JPA/AT/96/06

Kepada:
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan,
Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perhubungan,
Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan 1150,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : JTB/NS/NNI/ES/02/1996

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE SUPPLY AND DELIVERY OF SPARE PARTS FOR UNINTERRUPTED POWER SUPPLY SYSTEM (MAKE INTERNATIONAL POWER MACHINES) MODEL BP + 150 WITH DUAL INPUT". Di Stesen Satelit Bumi Telisai.
2. Tiga set dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan:

TAWARAN BAGI "THE SUPPLY AND DELIVERY OF SPARE PARTS FOR UNINTERRUPTED POWER SUPPLY SYSTEM (MAKE INTERNATIONAL POWER MACHINES) MODEL BP + 150 WITH DUAL INPUT"
Di Stesen Satelit Bumi Telisai

Bilangan Tawaran : JTB/NS/NNI/ES/02/1996

Bilangan Tawaran : JTB/NS/NNI/ES/03/1996

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE SUPPLY AND DELIVERY OF SPARE PARTS FOR SATELLITE TRACKING SYSTEM OF 21M TEL-3A VERTEX ANTENNA" (MAKE TIW SYSTEM INC.). Di Stesen Satelit Bumi Telisai.
2. Tiga set dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan:

TAWARAN BAGI "THE SUPPLY AND DELIVERY OF SPARE PARTS FOR SATELLITE TRACKING SYSTEM OF 21M TEL-3A VERTEX ANTENNA" (Make TIW System Inc)
Di Stesen Satelit Bumi Telisai

Bilangan Tawaran : JTB/NS/NNI/ES/03/1996

Bilangan Tawaran : JTB/NS/NNI/ES/04/1996

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE SUPPLY AND DELIVERY OF EF DATA IDR SATELLITE MODEMS WITH SWITCH". Di Stesen Satelit Bumi Telisai.
